



**TEKS UCAPAN  
ALUAN**

**YBRS DR SITI A'IASAH BINTI HASHIM  
KETUA PENGARAH AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENYERAHAN BALAS DOKUMEN PERJANJIAN  
KERJASAMA ("MoA") DI ANTARA GREENSNOW  
TECHNOLOGY SDN. BHD. ("GSSB") DAN KERAJAAN  
MALAYSIA YANG DIWAKILI OLEH AGENSI NUKLEAR  
MALAYSIA**

**TARIKH:**

**26 JANUARI 2021**

Bismillahirrahmanirahim

**YANG BERUSAHA TUAN NIK ABDUL MUBIN BIN NIK MAHMOOD**

Ketua Pegawai Eksekutif Greensnow Technology Sdn. Bhd.

**YANG BERUSAHA DR. ABDUL MUIN BIN ABDUL RAHMAN**

Timbalan Ketua Pengarah (Program Penyelidikan Dan Pembangunan  
Teknologi)

**YANG BERUSAHA DR. KAMARUDIN BIN SAMUDING**

Pengarah Bahagian Teknologi dan Pengurusan Sisa dan Alam Sekitar  
(BAS)

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,**

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas di atas usaha pihak syarikat dalam menganjurkan majlis penyerahan balas dokumen Perjanjian Kerjasama (“MoA”) antara Greensnow Technology Sdn. Bhd. (“GSSB”) dan Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Agensi Nuklear Malaysia. Pada asalnya majlis ini dirancang untuk diadakan secara fizikal tetapi disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 yang telah dikuatkuasakan bagi membendung penularan pandemik Covid-19, maka majlis ini diadakan secara maya atas talian.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Saya mewakili Nuklear Malaysia mengucapkan terima kasih kepada syarikat GSSB kerana memberi kepercayaan kepada kepakaran Penyelidik Nuklear Malaysia dalam bidang Nadir Bumi dengan bersetuju untuk menjalankan projek Kerjasama penyelidikan ini.

Saya dimaklumkan pihak syarikat turut bersedia untuk membiayai dan menanggung kos projek R&D ini dengan menggunakan dana syarikat berjumlah Ringgit Malaysia Empat Ratus Lima Puluh Ribu Lima Ratus (RM450,500.00). Projek kerjasama ini akan dilaksanakan dalam masa dua belas bulan. Saya berharap dengan keadaan semasa Negara yang sedang berusaha menangani pandemik ini, tidak akan menjejaskan dan menyebabkan aktiviti projek yang telah dirancang akan tertangguh dan objektif projek yang telah ditetapkan dapat dicapai sepenuhnya.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Seperti yang umum maklum, Nuklear Malaysia adalah sebuah institusi penyelidikan awam dengan pengkhususan dalam penggunaan teknologi nuclear secara aman. Sehubungan itu, saya berharap kepakaran-kepakaran penyelidik Nuklear Malaysia dan juga fasiliti-fasiliti makmal termasuk peralatan-peralatan saintifik yang terdapat di Nuklear Malaysia dapat digunakan untuk membantu pihak industri di Malaysia. Sejak kebelakangan ini Nadir Bumi telah menarik perhatian pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri dan industry berkaitan. Nuklear Malaysia menyambut baik lamaran pihak GSSB menjalankan penyelidikan untuk meluaskan industry Nadir Bumi di Malaysia. Diharapkan hasil penyelidikan ini akan dapat mencetuskan industry baru yang boleh menyokong usaha kearah menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi.

**Tuan- Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Kerjasama antara agensi kerajaan dengan swasta seharusnya disokong oleh kerajaan dengan memberikan insentif galakan. Oleh yang demikian, Nuklear Malaysia bercadang memohon dengan Kementerian Kewangan, melalui MOSTI, agar *double-tax deduction* dapat diberikan kepada syarikat-syarikat yang membiayai projek R&D secara Kerjasama dengan Nuklear Malaysia. Mohon sokongan MOSTI terhadap usaha kami ini.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada Pengarah Bahagian Teknologi dan Pengurusan Sisa dan Alam Sekitar (BAS) kerana berjaya mendapat kepercayaan pihak industri dalam menjalankan penyelidikan.

Tahniah dan terima kasih kepada syarikat Greensnow Technology Sdn. Bhd. atas segala usaha dalam melaksanakan majlis penyerahan dokumen perjanjian Kerjasama (MoA) ini.

Saya berharap projek Kerjasama penyelidikan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik    Walhidayah.    Assalamualaikum    Warahmatullahi  
Wabarakatuh.